

18 DEC 1999

Isa-Waad

MB TERIMA PELETAKKAN JAWATAN WAAD SEBAGAI ANGGOTA EXCO

SEREMBAN, 18 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad hari ini berkata, beliau menerima peletakan jawatan Exco oleh Datuk Waad Mansor yang juga anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) Gemencheh.

"Kalau dia (Waad) letak jawatan kita terima....saya tidak ada apa yang nak komen lagi," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas tindakan Waad meletakkan jawatan sebagai anggota Exco berkuatkuasa hari ini.

Waad, 43, mengumumkan peletakkan jawatan sebagai anggota Exco di pejabatnya di Wisma Negeri, di sini, pagi ini. Waad bagaimanapun berkata beliau masih kekal sebagai anggota DUN kawasan Gemencheh.

"Surat peletakkan jawatan Waad sebagai anggota Exco telah diserahkan ke pejabat saya pagi ini tetapi saya belum membacanya," kata Mohd Isa kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Persekutuan Tinju Amatur Malaysia (PTAM) di sini, pagi ini.

Pelantikan Waad sebagai anggota Exco Kerajaan Negeri menerima bantahan daripada beberapa anggota Umno dan anggota DUN sejak beliau mengangkat sumpah jawatan itu.

Anggota-anggota Umno itu berpendirian yang Waad tidak layak memegang jawatan itu kerana perbicaraan pertuduhan rasuah terhadapnya belum lagi selesai.

Waad yang menghadapi lima tuduhan rasuah didapati tidak bersalah oleh Mahkamah Tinggi Seremban pada 8 Okt lepas terhadap tiga pertuduhan rasuah tetapi Pejabat Peguam Negara telah memfailkan notis rayuan terhadap keputusan itu. Waad juga sedang menunggu perbicaraan dua lagi tuduhan rasuah.

Apabila ditanya pemberita sama ada, Waad akan diterima semula jika dia dibebaskan daripada semua tuduhan, Mohd Isa yang juga presiden PTAM berkata "itu saya akan jawab apabila beliau dibebaskan nanti".

Mengenai sama ada Waad berjumpa beliau (Mohd Isa) pagi ini sebelum membuat keputusan meletakkan jawatan itu, Menteri Besar berkata "saya tidak jumpa beliau (Waad) kerana saya berada dalam mesyuarat dan Waad tidak memaklumkan tindakannya itu kepada saya".

Ditanya siapa yang akan menggantikan Waad selepas ini, beliau berkata perkara itu tiada masalah dan setakat ini penggantinya belum lagi diputuskan kerana dulu pun ketika Waad meletak jawatan tiada siapa yang menggantikannya.

Mengenai tindakan beberapa anggota Umno menggunakan media membantah perlantikan Waad sebagai anggota Exco, beliau berkata "saya tidak ada apa nak komen kerana cara (style) masing-masing begitu, cuma kalau betul Waad telah letak jawatan saya terimalah....apa lagi masalah".

Pelantikan Waad sebagai anggota Exco dibantah melalui media oleh anggota DUN kawasan Lenggeng Datuk Ishak Ismail, anggota Parlimen Kuala Pilah Datuk Napsiah Omar, Ketua Umno Bahagian Kuala Pilah Datuk Abu Zahar Ujang dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Seremban Othman Mohamad.

Ditanya sama ada Ishak, Napsiah, Abu Zahar dan Othman ada menyatakan bantahan mereka melalui surat, beliau berkata setakat ini tidak ada lagi.

Ketika ditanya adakah beliau berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung kontroversi itu semalam Mod Isa berkata "saya tidak ada apa-apa nak komen".

-- BERNAMA

RP PR